

**PERSEPSI, KESEDARAN DAN TINDAKAN MASYARAKAT ISLAM
TERHADAP MAKANAN BERASASKAN DAGING AYAM HALAL –
KAJIAN KES DI KUCHING, SARAWAK**

DISEDIAKAN OLEH :

**ABANG SULAIMAN BIN ABANG SALLEH
MOHD AMRAN BIN HASBULLAH
WAN ARIFFIN BIN WAN YON**

MAY 2006



Surat Kami : 600-IRDC/SSP. 5/3/1596
Tarikh : 20 Julai 2005

Encik Abg. Sulaiman bin Abg. Salleh
Fakulti Pengurusan Perniagaan
UiTM Kampus Samarahan
Jalan Meranek
94300 Kota Samarahan
Sarawak

Tuan/Puan,

**TAJUK PROJEK: ‘ASPEK PEMBEKALAN AYAM HALAL – KAJIAN KES DI
KUCHING, SARAWAK’**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Sukacita dimaklumkan bahawa borang cadangan tuan/puan telah dinilai dengan keputusan berikut:

- i. Bersetuju meluluskan cadangan penyelidikan yang telah dikemukakan oleh tuan/puan, dan Encik Mohd. Amran bin Hasbullah serta Encik Wan Ariffin bin Wan Yon dengan beberapa cadangan pembetulan. Butiran berhubung keputusan penilaian disertakan di borang penilaian yang dilampirkan.
- ii. Tempoh projek penyelidikan ini ialah **12 bulan**, iaitu bermula **1 Ogos 2005** hingga **31 Julai 2006**.
- iii. Kos yang diluluskan ialah sebanyak **RM10,125.00** sahaja dari Geran Dalaman. Penggunaan geran yang diluluskan hanya akan diproses setelah perjanjian ditandatangani.
- iv. Tuan/puan perlu membelanjakan **50%** daripada geran penyelidikan yang telah diluluskan bagi projek tuan/puan dalam tempoh **6 bulan** pertama projek berjalan. Sehubungan itu, pihak IRDC akan memantau penggunaan geran penyelidikan tuan untuk memastikan 50% daripada jumlah geran yang diluluskan telah dibelanjakan sehingga bulan **Februari 2006**.
- v. Semua pembelian peralatan yang kosnya melebihi RM 500.00 satu item perlu menggunakan Pesanan Jabatan Universiti Teknologi MARA (LO). Pihak tuan/puan juga dikehendaki mematuhi peraturan penerimaan peralatan. Panduan penerimaan peralatan baru dan pengurusannya, dilampirkan.
- vi. Semua peralatan/kelengkapan penyelidikan yang dibeli adalah menjadi hak milik fakulti. Semua peralatan/kelengkapan hendaklah diserahkan kepada pihak fakulti setelah tamat penyelidikan untuk kegunaan bersama.

PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN DAN PENGKOMERSILAN LANDASAN KEWIBAWAAN DAN KECEMERLANGAN

telefon :

ong Naib Canselor (Penyelidikan)
Penyelidikan (Sains Sosial dan Pengurusan)
Penyelidikan (Sains dan Teknologi)
INFOREC
Perundingan (Kewangan)

: 03-55442094 / 5 Ketua Perundingan : 03-55442100 Pegawai Eksekutif : 03-55442057
: 03-55442097 Ketua Pengkomersilan : 03-55442750 Pejabat Am : 03-55442093 / 2101
: 03-55442091 Ketua Harta Intelek : 03-55442753 Fax : 03-55442096
: 03-55442760 Penolong Pendaftar : 03-55442092 Unit Kewangan Zon 17 : 03-55443440
: 03-55442090 Pegawai Sains : 03-55442098 Penolong Aktauntan : 03-55442099



ISI KANDUNGAN

Surat Penyerahan Laporan	ii
Daftar Ahli Penyelidik	iii
Penghargaan	iv
Isi Kandungan	v
Daftar Jadual	vii
Daftar Carta	viii
Abstrak	ix
Abstract	x
1.0 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	4
1.3 Objektif Kajian	7
1.3.1 Objektif Umum	7
1.3.2 Objektif Khusus	7
1.4 Kepentingan Kajian	8
1.5 Skop dan Batasan Kajian	9
2.0 KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pendahuluan	10
2.2 Kerangka Teori	10
2.3 Dalil-dalil	11
2.4 Isu-isu Semasa	13
2.5 Ringkasan	20
3.0 KAEADAH KAJIAN	
3.1 Pendahuluan	21
3.2 Diskripsi Kaedah Kajian	21
3.2.1 Soalan Kajiselidik	22
3.2.1.1 Maklumat Am	22
3.2.1.2 Persepsi Masyarakat	23
3.2.1.3 Tahap Kesedaran	26
3.2.1.4 Tindakan Masyarakat	28
3.2.2 Pengamatan Rekod Premis Halal JAIS/JAKIM	30
3.2.3 Temuramah & Pemerhatian	32
3.3 Pengumpulan Data	32
3.4 Ujian Pilot	33
3.5 Prosesan dan Analisa Data	35

ABSTRAK

Mempastikan makanan adalah daripada sumber yang halal adalah tuntutan agama Islam. Terdapat garis panduan di dalam Islam bertujuan menentukan kehalalannya, kefahaman dan penjelasan kepada pengusaha dan pengguna sama ada Islam atau tidak mengenai aspek penyediaan, pemprosesan, penyimpanan, pembungkusan, pengendalian dan pengangkutan mengikut Syarak. Ia telah digariskan oleh JAKIM dan jabatan-jabatan agama Islam negeri. Maka kajian ini diwujudkan adalah untuk mengkaji sejauh mana persepsi masyarakat Islam Kuching Sarawak khasnya dalam menyedari dan mengenali tindakan mereka dalam menangani isu berdasarkan daging ayam halal di sekitar mereka. Ini kerana isu berkaitan dengan penandaan HALAL masih lagi menjadi perbincangan di kalangan masyarakat. Masih berlaku penyelewengan atau kecuaian yang tidak disedari sama ada dilakukan oleh pengusaha Islam atau bukan Islam. Disebabkan wujudnya pengusaha yang kurangnya pengetahuan agama, kesedaran, tidak sensitif dan pemantauan pihak berwajib maka, aktiviti rutin dirasakan tidak membawa was-was kepada pengguna Islam lain.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Mengikut perkembangan semasa produk halal di Malaysia, kebelakangan ini banyak keraguan telah timbul dikalangan pengguna tentang status produk halal. Ketara sekali adalah produk berasaskan ternakan seperti daging ayam, itik, telur, kambing, ikan sangkar, dan sebagainya. Kerajaan juga telah mengadakan beberapa skim pertanian dan penternakan kepada rakyat dalam memajukan industri penternakan ayam sebagai sumber penting makanan rakyat Malaysia khasnya dan eksport hasil tani amnya.

Pengertian halal sebenarnya bukan sahaja terhad kepada makanan dan minuman sahaja seperti yang lazim kita ketahui. Namun ia juga meliputi setiap amalan atau perbuatan manusia. Kajian ini, walaubagaimanapun, akan lebih menekankan kepada konsep halal dari sudut persepsi, kesedaran, dan tindakan masyarakat terhadap bekalan makanan dan bahan gunaan orang Islam berdasarkan daging ayam.

Takrif dari segi syarak, halal merujuk kepada sesuatu perbuatan atau benda yang dibenarkan menurut Hukum Syarak (Undang-Undang Islam). Pada hakikatnya